

28/10/1997

THJP lantik APD pengurus di Mindanao

TABUNG Haji Janoub Philippines Inc (THJP), syarikat usaha sama di antara Lembaga Urusan Tabung Haji (Tabung Haji) dan Janoub Philippines Development Inc (JPDC), melantik Agri Plus Development Sdn Bhd (APD), sebagai pengurus projek bagi kegiatan perladangan kumpulan itu di Mindanao.

Bagi projek berkenaan, APD iaitu syarikat perladangan yang berpangkalan di Johor, akan bertanggungjawab terhadap semua kegiatan pembangunan perladangan kelapa sawit menerusi kepakarannya dengan penggunaan mesin berteknologi tinggi.

Selain daripada APD, projek yang membabitkan kawasan seluas 30,000 hektar itu turut diuruskan oleh sebuah syarikat Filipina, Ranao Palm Oil Industries Inc (Rapalin) dan Perladangan Tabung Haji Sdn Bhd sebagai ejen pengurusannya.

THJP, dengan pegangan ekuiti 60 peratus oleh Tabung Haji dan bakinya JPDC, kini dalam proses membangunkan projek berkenaan secara berperingkat.

Sehubungan itu, bagi peringkat pertama, THJP akan mengusahakan kawasan seluas 5,500 hektar yang dijangka siap dalam tempoh dua tahun dengan pelaburan bernilai RM68 juta.

Pengerusi Eksekutif APD, Ismail Ahamad, berkata dengan kepakaran teknologi yang dimiliki dan berpengalaman dalam sektor perladangan, syarikat itu mempunyai keupayaan melaksanakan projek berkenaan dalam usaha meneroka pasaran Filipina bagi sektor perladangan dan kegiatan memproses minyak sawit mentah.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis memeterai perjanjian pelantikan APD sebagai pengurus projek yang turut disaksikan Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Zahid Hamidi di Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis itu Ismail turut mewakili APD, manakala Rapalin diwakili Pengerusi Eksekutifnya, Bai Hajjah Norhatta dan THJP oleh, Ketua Eksekutifnya, Datu Abul Khayr Alonto.

Menurut Ismail, projek itu yang dijangka memberi peluang 6,000 pekerjaan kepada rakyat tempatan adalah sebagai menyahut saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melabur di Kepulauan Mindanao.

Projek itu yang turut memperolehi pengecualian cukai input modal dijangka mampu menarik lebih banyak syarikat Malaysia melabur di kepulauan itu.

(END)